

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2003/3004

September/Oktober 2003

HGM 235 - Geografi Penduduk dan Sumber Manusia

Masa: 3 jam

Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA [2]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Kertas peperiksaan ini mengandungi **LAPAN [8]** soalan. Jawab **EMPAT [4]** soalan sahaja. Setiap soalan bernilai 25 markah.

1. Bincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan geografi penduduk sejak tahun 1950-an hingga kini.
2. Hurai dan jelaskan isu pertumbuhan penduduk menua di Asia dan apakah dasar-dasar terpilih yang boleh diambil oleh negara-negara berkenaan bagi menangani masalah tersebut pada masa depan.
3. Bincangkan faktor-faktor berkaitan dengan kesuburan yang tinggi di negara-negara membangun seperti di benua Afrika dan di Asia Selatan.
4. Jelaskan maksud Teori Peralihan Demografi. Dalam konteks negara-negara maju, huraikan bagaimanakah teori ini telah menjelaskan perbezaan kadar kelahiran dan kematian daripada peringkat pertama hingga akhir teori tersebut. Berikan contoh-contoh yang kukuh dalam hujah anda.

5. Huraikan faktor-faktor penting yang menyebabkan mortaliti menurun di negara-negara maju sejak pertengahan kurun ke 18. Jelaskan kenapa faktor-faktor tersebut tidak relevan dengan sebab-sebab mortaliti menurun di negara-negara membangun selepas Perang Dunia Kedua.
6. [a] Huraikan tujuan mengkaji perbezaan kesuburan.
[10 markah]
- [b] Merujuk kepada memberikan contoh-contoh yang khusus, jelaskan sebab-sebab mengapa wujudnya perbezaan kesuburan menurut kawasan bandar-luar bandar, negeri-negeri, dan etnik di Malaysia.
[15 markah]
7. Bincangkan bagaimana peranan pengurus sesebuah organisasi dalam pembangunan sumber sumber yang cemerlang dan bermotivasi di dalam organisasi tersebut.
8. [a] Huraikan sebab-sebab penghijrahan penduduk di antara negara-negara di Asia Pasifik sejak 1990-an hingga kini.
[10 markah]
- [b] Jelaskan kesan-kesan penghijrahan dan apakah langkah-langkah penyelesaian yang boleh diambil oleh negara-negara asal dan pengirim migran bagi mengatasi masalah tersebut.
[15 markah]